

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**JABATAN KEJURUTERAAN AWAM**

**PENILAIAN ALTERNATIF**

**SESI 1 : 2021/2022**

**BCF10022 : PRINCIPLES OF MANAGEMENT**

---

**NAMA PENYELARAS KURSUS : Ts NORHAZLIN BINTI MD GHARIP**

**KAEDAH PENILAIAN : PEPERIKSAAN ATAS TALIAN**

**JENIS PENILAIAN : SOALAN ESEI (3 SOALAN)**

**TARIKH PENILAIAN : 3 FEBRUARI 2022**

**TEMPOH PENILAIAN : 2 JAM**

---

**LARANGAN TERHADAP PLAGIARISM (AKTA 174)**

**PELAJAR TIDAK BOLEH MEMPLAGIAT APA-APA IDEA, PENULISAN, DATA ATAU CIPTAAN ORANG LAIN. PLAGIAT ADALAH SALAH SATU PENYELEWENGAN AKADEMIK. SEKIRANYA PELAJAR DIBUKTIKAN MELAKUKAN PLAGIARISM, PENILAIAN BAGI KURSUS BERKENaan AKAN DIMANSUHKAN DAN DIBERI GRED F DENGAN NILAI MATA 0.**

**(RUJUK BUKU ARAHAN-ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KAEDAH PENILAIAN (Sarjana Muda) EDISI 2, 2020, KLAUSA 15&16)**

**INSTRUCTION:**

This section consists of **THREE (3)** structured questions. Answer all questions.  
*Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan struktur. Jawab semua soalan.*

- CLO1  
C3
- 1(a) The management process consists of four primary functions that managers must perform: planning, organizing, leading, and controlling. According to Chester Barnard, "Organizing is a function by which the concern is able to establish the role positions, related jobs, and the coordination between authority and responsibility". Hence, a manager must always organize in order to achieve goals. Based on the statement, determine **FIVE (5)** activities that are part of the organizing function of management.

*Proses pengurusan terdiri daripada empat fungsi utama yang perlu dilaksanakan oleh seorang pengurus: merancang, mengatur, memimpin dan mengawal. Menurut Chester Barnard, "Mengatur berperanan untuk mewujudkan fungsi sesuatu jawatan, kerja-kerja yang berkaitan, dan penyelarasan antara kuasa dan tanggungjawab". Oleh itu, seorang pengurus mesti sentiasa mengatur untuk mencapai sesuatu matlamat. Berdasarkan kepada pernyataan, tentukan **LIMA (5)** aktiviti yang merupakan sebahagian daripada fungsi mengatur di dalam pengurusan.*

[10 marks]  
[10 markah]

- CLO2  
C4
- 1(b) Recruitment is the process of creating a pool of qualified candidate who can apply for the job in an organization. It comprises a variety of different sorts of recruitment sources, which are divided into two categories: internal sources and external sources. Differentiate these two recruitment sources by giving advantages and disadvantages for each of sources.

*Pengambilan ialah proses menghasilkan kumpulan calon berkelayakan yang boleh memohon pekerjaan dalam sesebuah organisasi. Pengambilan terdiri daripada pelbagai jenis sumber yang berbeza, yang dibahagikan kepada dua kategori: sumber dalaman dan sumber luaran. Bezakan kedua-dua sumber pengambilan ini dengan memberikan kelebihan dan kekurangan bagi setiap sumber.*

[15 marks]  
[15 markah]

CLO1 C3	<p>2(a) One of a manager's most important responsibilities is strategic planning. Understanding the various steps of the planning process is key to planning well. Based on the statement, illustrate a strategic planning cycle used to help organizations set goals.</p> <p><i>Salah satu tanggungjawab pengurus yang paling penting ialah perancangan strategik. Memahami pelbagai langkah proses perancangan adalah kunci untuk merancang dengan baik. Berdasarkan kepada penyataan, gambarkan kitaran perancangan strategik yang digunakan untuk membantu bagi menetapkan matlamat organisasi.</i></p>
	[10 marks] [10 markah]
CLO2 C4	<p>2(b) Total Quality Management is a management approach that originated in the 1950s and has steadily become more popular since the early 1980s. Total quality refers to an organization's culture, attitude, and structure as it seeks to provide customers with products and services that meet their needs. Explain <b>FIVE (5)</b> primary elements of Total Quality Management.</p> <p><i>Pengurusan Kualiti Menyeluruh ialah pendekatan pengurusan yang bermula pada tahun 1950-an dan semakin popular sejak awal 1980-an. Kualiti menyeluruh merujuk kepada budaya, sikap dan struktur organisasi sebagaimana ianya adalah untuk menyediakan pelanggan dengan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan mereka. Terangkan <b>LIMA (5)</b> elemen utama Pengurusan Kualiti Menyeluruh.</i></p>
	[15 marks] [15 markah]
CLO1 C3	<p>3(a) According to World Health Organization (WHO), globalization can be defined as “the increased interconnectedness and interdependence of peoples and countries. It is generally understood to include two inter-related elements: the opening of international borders to increasingly fast flows of goods, services, finance, people and ideas; and the changes in institutions and policies at national and international levels that facilitate or promote such flows”. Interpret <b>FIVE (5)</b> positive and <b>FIVE (5)</b> negative impact of globalization.</p> <p><i>Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), globalisasi boleh ditakrifkan sebagai "peningkatan kesalinghubungan dan kebergantungan antara rakyat dan negara. Secara amnya, ianya merangkumi dua elemen yang saling berkaitan: pembukaan sempadan antarabangsa kepada aliran barang, perkhidmatan, kewangan, manusia dan idea yang semakin pantas; dan perubahan dalam institusi dan dasar di peringkat nasional dan antarabangsa yang memudahkan atau menggalakkan aliran tersebut". Tafsirkan <b>LIMA (5)</b> kesan positif dan <b>LIMA (5)</b> kesan negatif globalisasi.</i></p>
	[10 marks] [10 markah]

- CLO2  
C4
- 3(b) Michell exhibited leadership as chief executive officer (CEO) of General Maintenance (GM) Co. from 1999 to 2019. He played an integral part in 600 acquisitions in emerging markets and increased GM's market value from \$12 billion to \$505 billion at the time of his retirement. Because the world is constantly changing, Michell insisted everyone at GM embrace change. To continue evolving company operations and producing greater output, managers and employees had to continuously reinvent themselves and their work. As a result of Michell leadership style, managers and employees were more empowered, products gained higher quality, and customer satisfaction and profits increased dramatically. Based on that situation, explain **FIVE (5)** characteristics of an effective leader that Michell implemented.

*Michell mempamerkan kepimpinan sebagai ketua pegawai eksekutif (CEO) General Maintenance (GM) Co. dari 1999 hingga 2019. Beliau memainkan peranan penting dalam 600 pemerolehan dalam pasaran barudan meningkatkan nilai pasaran GM daripada \$12 bilion kepada \$505 bilion pada masa beliau bersara. Kerana dunia sentiasa berubah, Michell menegaskan semua orang di GM supaya menerima perubahan. Untuk meneruskan operasi syarikat dan menghasilkan output yang lebih besar, pengurus dan pekerja perlu terus mengembangkan diri dan kerja mereka. Hasil daripada gaya kepimpinan Michell, pengurus dan pekerja lebih berkuasa, produk berkualiti tinggi, dan kepuasan pelanggan serta keuntungan meningkat secara mendadak. Berdasarkan situasi tersebut, terangkan **LIMA (5)** ciri kepimpinan berkesan yang Michell laksanakan.*

[15 marks]  
[15 markah]

### SOALAN TAMAT